



## Siaran Akhbar

21 November 2023

### Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Zurich Malaysia, Yayasan Z Zurich, dan Resilient Cities Network bekerjasama untuk mengukuhkan daya tahan iklim komuniti

- *Dua komuniti di Melaka, Kampung Morten dan Pantai Peringgit, akan melaksanakan projek untuk membina daya tahan terhadap banjir dan panas melampau.*
- *Komuniti akan mendapat manfaat daripada tindakan iklim tempatan melalui program Daya Tahan Komuniti (Resilience for Communities).*

**Melaka, 21 November 2023** – Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) telah mengumumkan komuniti yang dipilih untuk program **Resilience for Communities** (R4C) yang merupakan inisiatif baharu di bawah Program Daya Tahan Iklim Bandar yang disokong oleh Z Zurich Foundation untuk memperkuuh daya tahan komuniti di Melaka terhadap bencana alam khususnya banjir dan panas melampau. Melaka adalah antara sebelas bandar di sembilan buah negara yang menyertai program global ini.

Pengumuman ini dibuat bersama rakan kerjasama daripada Zurich Malaysia, Z Zurich Foundation dan Resilient Cities Network (R-Cities). Proses pemilihan ini adalah langkah pertama yang diambil melalui penglibatan komuniti setempat bagi program 3 tahun dengan sokongan pelbagai pihak.

“Sebagai sebuah Bandaraya Warisan Dunia UNESCO, kami mengiktiraf kepentingan dalam membina daya tahan komuniti untuk memelihara nilai warisan dan budaya di masa hadapan dalam menghadapi cabaran iklim. Oleh itu, Bandaraya Melaka sangat teruja untuk menyertai program, **Resilience for Communities** ini. Saya juga berterima kasih atas kerjasama rapat dengan Zurich Malaysia, Z Zurich Foundation dan R-Cities dalam mewujudkan masa depan yang lebih berdaya tahan dan mampu untuk warga bandaraya, negeri dan negara kita,” **kata YBhg Datuk Hj. Shadan Hj. Othman, Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)**.

Melalui program R4C, dua komuniti telah terpilih iaitu **Kampung Morten** dan **Pantai Peringgit** dimana masing-masing akan menerima pembayaran daripada Yayasan Z Zurich bagi pelaksanaan projek yang mampu meningkatkan daya tahan komuniti bagi menangani risiko bencana banjir dan gelombang haba. Pemilihan komuniti ini mengambil kira faktor seperti kerentenan terhadap risiko perubahan iklim, cabaran sosio-ekonomi yang dihadapi, komuniti aktif di kawasan tersebut dan bantuan semasa yang diterima dari pelbagai sumber.

Program ini akan menggunakan kaedah Pengukur Daya Tahan Iklim Komuniti (CRMC) dalam membantu untuk mengenal pasti dengan jelas tindakan utama yang perlu diambil dalam kalangan komuniti yang terpilih. Kaedah ini dibangunkan oleh Yayasan Z Zurich dan Zurich Insurance, bersama **Zurich Flood Resilience Alliance**, melalui kerja-kerja daya tahan iklim untuk komuniti di seluruh dunia lebih sedekad lama. “Membina daya tahan dalam komuniti bandar bukan sahaja bergantung kepada tindakan dan inisiatif

oleh pihak kerajaan, tetapi ianya memerlukan satu sistem yang bertindak secara menyeluruh yang mampu memberi impak yang baik kepada komuniti tersebut. Dengan kerjasama yang dijalankan bersama rakan pelaksana dan pihak berkuasa tempatan, kami menasarkan untuk mengubah cara di mana sistem boleh disesuaikan bagi membantu komuniti yang rentan dengan lebih baik," kata **David Nash, Ketua Adaptasi Perubahan Iklim, Yayasan Z Zurich.**

Zurich Malaysia berhasrat untuk memainkan peranan utama dalam memacu perubahan yang memberi kesan dalam pendekatan yang diambil di bandar terpilih di Malaysia, dan memastikan sokongan dipertingkatkan untuk komuniti yang terdedah kepada risiko, "Kami sangat teruja untuk melancarkan program *Resilience for Communities* di Melaka dan kerjasama tiga tahun yang bermakna, sejajar dengan sasaran kemampanan Zurich serta teras kempen kami iaitu 'Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna,'" kata **Junior Cho, Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Zurich Malaysia.**

Program R4C akan mengambil kira maklum balas secara menyeluruh bersama dengan penduduk **Kampung Morten** dan **Pantai Peringgit** untuk mengenal pasti keperluan khusus yang boleh membantu mereka menjadi lebih berdaya tahan. Bersama-sama dengan MBMB, komuniti akan memilih dan melaksanakan solusi yang berpotensi untuk membantu membina kesiapsiagaan dalam kalangan komuniti dengan lebih baik dalam menghadapi bencana. Di samping itu, R-Cities akan membantu mengenal pasti jurang daya tahan, membimbing proses libat urus dan keterlibatan, pembangunan projek, dan menyokong pelaksanaan program rintis. Dengan memahami cara komuniti menilai risiko dan halangan yang mereka hadapi, MBMB boleh membantu komuniti setempat untuk menjadi lebih berdaya tahan.

Pasukan pelaksana telah menjalankan beberapa siri perbincangan dan libat urus bersama komuniti dan pemimpin setempat pada bulan lepas. "Kami berada di lapangan untuk mendapatkan maklum balas komuniti," kata **Katrin Bruebach, Pengarah Program dan Operasi Global di Resilient Cities Network.** "Dalam tempoh 3 tahun yang akan datang, kami akan mengenal pasti isu semasa, menilai secara kolektif keutamaan dan yang paling penting adalah rancangan pelaksanaan tindakan yang dihasilkan bersama bagi meningkatkan Daya Tahan Bandar Melaka," tambahnya.

**Kampung Morten** merupakan sebuah perkampungan warisan Melayu yang diwartakan dibawah Enakmen Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya 1988 (Enakmen No.6 Tahun 1988). Sejak kebelakangan ini, kampung ini turut terdedah kepada bencana banjir dan pihak berkuasa kekal komited untuk terus memelihara asset warisan yang berada di tengah-tengah arus pembangunan bandar yang pesat. Manakala, **Pantai Peringgit** merupakan sebuah kawasan yang terdedah dengan risiko banjir dan komuniti ini mengambil pelbagai inisiatif untuk menambah baik rumah dan kawasan kejiranian.

R4C Champion mewakili pelbagai jabatan di MBMB telah dikenal pasti yang berperanan untuk menyokong disepanjang pelaksanaan inisiatif daya tahan iklim dan komuniti ini berlangsung. Tambahan pula, champion ini akan menjadi tunjang utama dalam penyaluran maklumat dan bertanggungjawab untuk merangka penyelesaian yang berpotensi bagi kedua lokasi ini.

Melalui pelaksanaan ini juga, Unit Daya Tahan Bandar Melaka, MBMB turut memainkan peranan yang strategik bagi memastikan jalinan kerjasama bersama rakan kongsi melalui program ini dapat dilihat secara menyeluruh dari segi aspek teknikal, perancangan dan kaedah yang bersesuaian sejajar dengan matlamat program untuk meningkatkan daya tahan dalam kalangan komuniti khususnya warga bandaraya.

###

## **Nota kepada editor:**

### **Maklumat lanjut mengenai daya tahan komuniti**

Ketahanan komuniti, atau keupayaan komuniti untuk bangkit dan menyesuaikan diri dengan perubahan iklim, bergantung pada ciri fizikal, sosial dan ekonominya yang unik. Komuniti yang berdaya tahan mampu bertahan, pulih dan berkembang maju dalam menghadapi bencana alam. Dengan memahami cara komuniti menilai risiko dan tahap kesedaran mereka, disamping mengenal pasti sebarang halangan tertentu yang mungkin dihadapi oleh komuniti, pihak berwajib boleh membantu komuniti menjadi lebih berdaya tahan dengan lebih baik.

### **Tentang Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah**

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) atau *Melaka Historic City Council*, ialah badan penggerak yang diamanahkan untuk menerajui pembangunan, pemeliharaan, dan pentadbiran bandar bersejarah Melaka, Malaysia. Mandat MBMB adalah untuk memacu Bandaraya Melaka ke arah pembangunan mampan, daya tahan, dinamik, pintar, dan kemakmuran, sambil melindungi dan mempromosikan warisan budaya, sejarah dan seni bina Melaka yang unik. MBMB akan terus meningkatkan kualiti perkhidmatannya terhadap warga Bandaraya Melaka dan pelancong, dengan visi untuk menerajui bandar kosmopolitan bertaraf dunia. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.mbmb.gov.my>.

### **Tentang Zurich Malaysia**

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepada di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my).

### **Tentang Yayasan Z Zurich**

Yayasan Z Zurich bekerjasama dengan warga kerja Kumpulan Zurich Insurance, pihak berkepentingan yang lain, serta kerajaan dan NGO ke arah mewujudkan masa depan agar semua orang mampu berkembang maju dalam menghadapi krisis iklim yang semakin meningkat, agar mereka yang dibebani tekanan hidup diperkasakan dan dapat berkongsi pendapat, agar golongan terpinggir dalam masyarakat mampu mencapai potensi penuh mereka.

Yayasan Z Zurich adalah yayasan amal berpangkalan di Switzerland yang ditubuhkan oleh ahli-ahli Kumpulan Zurich Insurance. Ia merupakan saluran utama yang digunakan oleh Kumpulan Zurich Insurance untuk melaksanakan strategi pelaburan komuniti globalnya.

Layari laman web Yayasan Z Zurich untuk mengetahui lebih lanjut tentang pelbagai usahanya: <https://zurich.foundation>. Ikuti Yayasan Z Zurich di [LinkedIn](#), [Twitter](#), [Facebook](#), [Instagram](#) dan [YouTube](#).

### **Tentang Resilient Cities Network (R-Cities)**

Resilient Cities Network (R-Cities) ialah rangkaian daya tahan bandar yang terkemuka di dunia. Ia mengumpul maklumat, amalan, kerjasama dan pembiayaan global untuk memperkasakan ahlinya membina bandar yang selamat dan saksama untuk semua. Pendekatan unik yang mengutamakan bandar memastikan bandar-bandar di dalam rangkaian untuk memacu agenda yang memberi manfaat kepada komuniti yang mendapatkan perkhidmatan mereka. Bekerja di hampir 100 bandar di seluruh dunia, Resilient Cities Network membantu projek dan menyediakan penyelesaian di lapangan untuk membina bandar berdaya tahan iklim, menyeluruh dan saksama di samping memudahkan hubungan dan

perkongsian maklumat antara komuniti dan pemimpin tempatan. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://resilientcitiesnetwork.org/>.